

**MBSB BANK BERHAD
JABATAN KOMUNIKASI STRATEGIK**

Aras 25,
Menara MBSB Bank, Lot 12,
PJ Sentral, Persiaran Barat,
Seksyen 52,
Petaling Jaya, Selangor
www.mbsbbank.com

PRESS RELEASE
KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

15 JULAI 2021

MBSB BANK MERINGANKAN BEBAN KELUARGA BERPENDAPATAN RENDAH

PETALING JAYA, 15 JULAI 2021- Pandemik yang melanda negara telah meletakkan keluarga berpendapatan rendah dalam keadaan yang sukar dan ini mendorong warga korporat agar memainkan peranan dalam membantu meringankan beban mereka.

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan pada bulan Mac tahun lepas, MBSB Bank telah menyumbang jumlah terkumpul sebanyak RM2.20 juta kepada pelbagai agensi bukan kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat dalam membantu komuniti yang terkesan disebabkan pandemik Covid-19.

Memandangkan negara kini sedang berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan 3.0, MBSB Bank memastikan bantuan diberi kepada komuniti yang sangat terkesan, dan kali ini menjalinkan kerjasama bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di mana MBSB Bank menyumbang 5,000 pek makanan bernilai RM500,000.00. Ini merupakan kerjasama pertama di antara MBSB Bank dan NADMA, sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Kerjasama ini bertujuan untuk membekalkan makanan seperti beras, minyak masakan, gula, tepung, susu, biskut dan serbuk teh kepada keluarga yang berhadapan dengan risiko kelaparan disebabkan kehilangan punca pendapatan.

Menzahirkan rasa simpati ini, Naib Ketua Pegawai Eksekutif MBSB Bank, Datuk Nor Azam M Taib berkata, "Kami mengambil berat akan kesukaran yang dialami oleh keluarga-keluarga ini

dan menyedari bahawa kekurangan makanan yang teruk telah menjadi isu utama di antara kebanyakan mereka. Kami berharap kerjasama ini boleh membantu memperbaiki keadaan dan ia juga bagi mencapai salah satu objektif kelestarian kami dalam memainkan peranan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab. Kami juga berbangga dapat bekerjasama dengan NADMA yang mempunyai sumber maklumat untuk mengenalpasti keluarga -keluarga ini.”

Satu lagi projek menyantuni komuniti yang telah dilaksanakan oleh MBSB Bank adalah melalui kerjasama dengan Food Aid Foundation (FAF). Kerjasama tersebut telah berjaya mengedarkan lebih dari 4,000 bungkus makanan kepada komuniti B40 dalam dua bulan terakhir ini dan telah memberi kesan positif terhadap kesejahteraan masyarakat B40 kerana ia didarkan tepat pada masanya dan berkesan. Tahun ini menandakan tahun kedua MBSB Bank bekerjasama dengan FAF.

MBSB Bank, yang merupakan bank Islam kedua terbesar di Malaysia mengakui kesan Covid-19. Bagi pelanggan yang pendapatannya terkesan disebabkan pandemik ini boleh memohon Bantuan Bayaran Balik secara dalam talian atau dengan mengunjungi cawangan Bank MBSB terdekat.

-TAMAT

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Azlina Mohd Rashad
Ketua Pegawai Korporat
Bahagian Perkhidmatan Korporat
Tel : 03-7455 5561
Emell: strategiccom@mbsbbank.com

Mengenai MBSB Bank Berhad

MBSB Bank Berhad, sebuah bank yang menjalankan Perbankan Islam sepenuhnya, diperbadankan pada 28 November 2005 dan merupakan anak syarikat milik penuh Malaysia Building Society Berhad.

Pada 6 November 2017, MBSB telah menandatangani Perjanjian Saham & Pembelian dengan pemegang saham Asian Finance Bank Berhad ("AFB / Vendors") untuk cadangan pengambilalihan oleh MBSB bagi keseluruhan kepentingan ekuiti dalam AFB untuk pertimbangan pembelian agregat sebanyak RM644,952,807.66 dengan cara tunai berjumlah RM396,894,036.26 dan pengeluaran 225,507,974 Saham Pertimbangan pada harga terbitan RM1.10 setiap Saham Pertimbangan ("Perolehan").

Perolehan ini telah diluluskan oleh pemegang saham MBSB pada 23 Januari 2018. Para pemegang saham juga meluluskan pemindahan Aset dan Liabiliti yang Patuh Syariah MBSB kepada AFB melalui Skim Pengaturan Ahli. Selaras dengan kelulusan yang disebutkan dan setelah selesai pemindahan saham dan pembayaran baki pertimbangan pembelian kepada Vendor, AFB menjadi anak syarikat milik penuh Malaysia Building Society Berhad pada 7 Februari 2018.

AFB telah membuat penjenaman semula dan pada 2 April 2018, ia menukar namanya kepada MBSB Bank Berhad